



SIARAN MEDIA

AKTA PEMBANGUNAN WANITA BAKAL DIWUJUDKAN DI MALAYSIA

SEOUL KOREA, 2 Disember - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat cadang wujudkan akta baharu yang melibatkan pembangunan wanita di Malaysia.

Cadangan mewujudkan akta tersebut akan diusulkan oleh Menteri, Datuk Seri Rohani Abdul Karim ke kabinet pada awal tahun depan.

Walau bagaimanapun menurut beliau, pihaknya akan membuat kajian dan penyelidikan yang menyeluruh sebelum dibawa ke kabinet.

“Pihak kami akan membuat kajian yang menyeluruh agar cadangan ini boleh diterimapai di Malaysia. Bagi saya, akta tersebut amat penting kerana seiring dengan Dasar Wanita Negara pada masa ini yang berhasrat menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara untuk mencapai kesamaan gender.

“Pada masa ini di Malaysia, kita cuma mempunyai polisi sahaja berkaitan hal berkenaan dan belum lagi mempunyai akta seperti di Korea,” ujar beliau selepas mengadakan lawatan dan perjumpaan bersama Presiden Institut Pembangunan Wanita Korea, Myung-Sun Lee di sini hari ini.

Pada perjumpaan tersebut, kedua-dua pihak berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pandangan tentang usaha memajukan kaum wanita dari segi pembangunan ekonomi negara.

Lawatan tersebut adalah sempena The 6th East Asia Ministerial Forum on Families yang berlangsung selama 5 hari bermula 1 Disember hingga 5 Disember 2014, Seoul Korea.

Turut hadir di forum tersebut ialah Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Penduduk, Keluarga Negara (LPPKN). Datuk Dr. Siti Norlariah Ismail.

Jelas Rohani, kewujudan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara yang sedia ada di negara ini menunjukkan keperihatinan kerajaan untuk memastikan golongan wanita terus mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tambah beliau, beliau turut mencadangkan agar kerajaan Malaysia mempunyai Institut Penyelidikan Pembangunan Wanita sendiri sepertimana yang terdapat di Korea.

“Saya berharap dengan adanya institut itu nanti ia membolehkan peningkatan aktiviti penyelidikan, penerbitan serta penganjuran seminar dan persidangan bersama dalam isu berkaitan pembangunan wanita dan kualiti gender selain komited terhadap isu kesamaan gender dan menyediakan platform penyelidikan untuk pembangunan polisi yang boleh digunakan oleh negara-negara lain,” jelas beliau lagi.

Untuk maklumat lanjut hubungi:
Setiausaha Akhbar kepada YB Menteri
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 38, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel 03-8323 1023
E-mel: shahrensua@gmail.gov.my
Unit Komunikasi Korporat
E-mel: kamarul@kpwkm.gov.my